

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

[APPROACHES AND ROLE OF DAKWAH AL-AZHAR GRADUATE THROUGH INTERNATIONAL ORGANIZATION AL-AZHAR GRADUATE IN RIAU (OIAA RIAU) IN SPREADING ISLAMIC DAKWAH IN RIAU: AN INITIAL REVIEW]

PENDEKATAN DAN PERANAN DAKWAH ALUMNI AL-AZHAR MELALUI ORGANISASI INTERNASIONAL ALUMNI AL-AZHAR RIAU (OIAA RIAU) DALAM MENYEBARKAN DAKWAH ISLAM DI RIAU: SEBUAH TINJAUAN AWAL

¹ M.KAFRAWI

² RINO RIYALDI

¹ Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Sultan Abdurrahman Kepulauan Riau, Ceruk ijuk, Jl. Lintas Bar. Kelurahan No.KM 19, Toapaya Asri, Toapaya, Kabupaten Bintan, Kepulauan Riau 29132, Indonesia

² Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Bengkalis Kampus Melayu, Jl. Lembaga, Senggoro, Kec. Bengkalis, Kabupaten Bengkalis, Riau 28714, Indonesia

*Corresponding Author: m.kafrawi@stainkepri.ac.id

Received Date: 10 April 2021 • Accepted Date: 9 June 2021

Abstract

This article discusses the role of dakwah of the al-Azhar graduates of Egypt through the International Organization Al-Azhar Graduate in Riau (OIAA) in spreading Islamic dakwah in Riau, using descriptive and Islahi ijtima'i methods. In this study, the author finds that the use approach wasatiah, that is, trying to be an intermediary in a community problem so that it can be an improvement of society in a direction that can accept differences of opinion (Islahi ijtima'i). This study proves that some graduates of al-Azhar, Egypt, namely Musthafa Umar and Abdul Somad became scholars who are popular with the people, do not hold a single proposition of scholars or certain hadith, but try to present many propositions and hadiths to the community, so the community is told to choose propositions appropriate to their respective abilities. So the role of graduation in preaching is very important to understand the community in worship and dealing..

Keywords: *Graduated from al-Azhar (OIAA), Mushafa Umar, Abdul Somad*

Abstrak

Tulisan ini membahas tentang peranan dakwah para alumni al-Azhar Mesir melalui organisasi internasional alumni al-Azhar Riau (OIAA) dalam menyebarkan dakwah Islam di Riau, dengan menggunakan metode deskriptif dan *Islahi ijtima'i*. dalam kajian ini penulis mendapati bahawa para alumni berdakwah menggunakan pendekatan wasathiah iaitu berusaha menjadi pemudah cara dalam sebuah permasalahan masyarakat sehingga boleh menjadi perbaikan masyarakat ke arah yang boleh menerima perbezaan pendapat (*Islahi ijtima'i*). Kajian ini ini membuktikan bahawa salah seorang alumni al-Azhar Mesir iaitu Musthafa Umar dan Abdul Somad menjadi ulama yang disenangi masyarakat, tidak memegang satu dalil pendapat ulama atau hadis tertentu akan tetapi berusaha menyajikan dalil dan hadis yang banyak kepada masyarakat, serta menyerahkan kepada mereka untuk memilih dalil yang sesuai dengan kemampuan masing-masing. Justeru peranan Alumni dalam berdakwah sangat penting untuk memahami masyarakat dalam beribadah dan bermuamalah.

Kata Kunci: Alumni al-Azhar (OIAA), Mushafa Umar, Abdul Somad

Cite as: M.KAFRAWI & RINO RIYALDI. 2021. Pendekatan dan peranan dakwah alumni al-Azhar melalui Organisasi Internasional Alumni al-Azhar Riau (OIAA Riau) dalam menyebarkan dakwah Islam di Riau; Sebuah tinjauan awal. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1): 40-46.

PENGENALAN

Organisasi Internasional Alumni Al-Azhar (OIAA) adalah sebuah Organisasi yang didirikan oleh para alumni yang telah menyelesaikan pelajaran di Mesir . Mesir adalah salah satu negara yang terletak di Timur Tengah, dan terkenal sebagai sebuah negara yang memiliki banyak sejarah peninggalan Islam, ialah Universiti al-Azhar. Al-Azhar adalah sebuah Universiti tertua di dunia yang telah banyak menghasilkan para ulama dunia. Selain itu juga Mesir dikenal sebagai sejarah peradaban dunia iaitu adanya Piramid dan Spinx menjadikan Mesir sebagai tempat pelancongan yang diminati ramai pelancong dalam negara ataupun luar negara.

Tujuan OIAA Riau didirikan adalah untuk memajukan dan membangunkan Riau dengan menyebarkan dakwah dan ilmu Agama Islam, iaitu sesuai dengan cita-cita universiti al-Azhar menjadi *Wasathiyah Ummah* atau mengembangkan ajaran Islam yang damai (moderat). Metode *Wasathiyah Ummah* ini adalah metode yang sesuai dengan masyarakat Islam di Indonesia terutama di Riau, Para Alumni lebih mengutamakan perdamaian dan menghindari perpecahan dan kekerasan dalam menyampaikan dakwah Islam.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang hendak dijawab dalam kajian ini adalah :

- a. Bagaimanakah perkembangan dakwah Islam di Riau, iaitu bermula Islam masuk sampai sekarang?

- b. Apakah pendekatan atau metode yang diguna pakai oleh pendakwah Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau dalam berdakwah?
- c. Bagaimanakah peranan pendakwah Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau dalam berdakwah?

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada persoalan kajian di atas, didapati bahawa menjadi suatu tuntutan agar kajian ini dapat dibuat, antara objektifnya ialah:

- a. Mengkaji perkembangan dakwah Islam di Riau.
- b. Mengkaji pendekatan atau metode yang diguna pakai oleh pendakwah Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau dalam dakwah Islam di Riau.
- c. Mengkaji peranan Alumni Al-Azhar melalui OIAA dalam dakwah Islam di Riau.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang diguna pakai dalam kajian ini adalah metode kajian kualitatif dengan menggunakan metod analisis dokumen dan temu bual , iaitu kajian tentang pendekatan dan peranan dakwah Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau serta beberapa kitab mereka seperti kitab karangan Musthafa Umar, Abdul Somad dan lain sebagainya. Kajian ini dibahagi menjadi empat metode iaitu, metode penentuan subjek, reka bentuk kajian, metode pengumpulan data, dan metode analisis data. Kajian ini juga mengguna metode temu bual dan pemerhatian dengan para alumni dan akan dibantu dengan data sokongan melalui soal selidik.

Analisis data menggunakan kaedah induktif, kemudian akan menggunakan historis, *Pertama*, metod yang diguna pakai ialah kajian kepustakaan dengan menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Kajian ini bertujuan mengumpulkan data-data melalui pembacaan dan penelitian aktiviti dakwah para alumni serta mengumpulkan data-data yang berhubung kait dengan dakwah di Riau .

Kedua, kajian ini juga menggunakan metode temu bual untuk mendapatkan data-data yang penting dan tepat yang berhubung kait dengan kajian. Temu bual dilakukan dengan dua cara, pertama berstruktur dan kedua tidak berstruktur. Kajian temu bual berstruktur dilakukan dengan menemu bual beberapa tokoh dari Alumni OIAA Riau. Temu bual juga diadakan dengan Musthafa Umar dan ketua alumni Al-Azhar Mesir di Riau, Temu bual secara berstruktur dilakukan dengan menyiapkan soalan-soalan dalam bentuk bertulis, namun ada juga soalan dalam bentuk tidak bertulis. Rakaman temu bual menggunakan telefon bimbit.

SKOP KAJIAN

Skop di dalam kajian ini: *Pertama*, tertumpu kepada kajian terhadap perkembangan dakwah dalam masyarakat Riau, terutama Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau dalam menyampaikan dakwah Islam di Riau. *Kedua*, pendekatan yang digunakan oleh Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau dalam menyampaikan dakwah Islam. *Ketiga*, Peranan dan sumbangan Alumni

dalam Masyarakat Riau. Kajian ini tertumpu pada Masyarakat di Riau, khususnya di Pekanbaru, Kampar, Siak dan Bengkalis.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana kajian ini akan memberikan gambaran pelbagai pendekatan dakwah dan penerima dakwah dalam masyarakat, sehingga masyarakat boleh faham dan berusaha mendalami ilmu agama. Serta juga menjauhi diri daripada mementingkan golongan atau taksud pada satu golongan tertentu. Kajian ini juga akan dapat mengenal pasti pendekatan dan peranan yang dilakukan dakwah Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau dalam menyampaikan dakwah dan menyelesaikan permasalahan umat Islam. Hasil kajian ini juga penting dalam memberikan sumbangan kepada kajian Islam dan kajian-kajian seterusnya yang berkaitan dengan dakwah.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ini merupakan kajian tentang pendekatan dan peranan dakwah Alumni Al-Azhar dan OIAA Riau dalam dakwah Islam di Riau, kerana itu juga berkaitan dengan para pendakwah seperti Musthafa Umar, Abdul Somad dan Alumni Al-Azhar lainnya di Riau. Sepanjang pemerhatian penulis belum ada lagi mana-mana pihak mengkaji tentang tajuk ini. Namun demikian terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan pendekatan dan peranan dakwah serta kajian tentang beberapa tokoh alumni Riau seperti Musthafa Umar dan Abdul Somad yang dibuat.

Tulisan Ahmad Damanik (2015) dalam majalah Hidayatullah, membahas tentang biografi Musthafa Umar sejak mula dididik oleh ibubapa, sehingga sampai ke peringkat Universiti dan menjadi seorang pendakwah. Kemudian setelah tamat kuliah beliau mula mengasaskan majlis dakwah yang bernama *Tafaqquh*. Dalam makalah ini juga menceritakan tentang perjuangan beliau dalam membina dakwah di kalangan masyarakat Pekanbaru Riau. Serta perkembangan pengajian tafsir di Indonesia. Majalah ini secara umum menggambarkan mengenai perkembangan dakwah di Indonesia dan menjelaskan sebab keberhasilan seorang pendakwah.

Tulisan Idris Ahmad (2015) dalam akhbar Riau Pos, membahas tentang kehidupan seharian Musthafa Umar dalam perjalanan Dakwah beliau di Malaysia dan di Indonesia. Di dalam surat khabar ini juga menceritakan sebab keberhasilan beliau dalam berdakwah. Sehingga menghasilkan beberapa karya tulisan seperti tafsir *Ma'rifah* dan 22 buku lainnya. Tulisan ini hanya mengkaji secara umum tentang dakwah beliau dan hanya mengemukakan maklumat umum beberapa kitab karya beliau dan tidak menjelaskan secara terperinci tentang isi buku tersebut.

Tulisan dalam laman sesawang *Tafaqquh Study Club* (2014), diantaranya adalah pertama, tulisan tentang “kaderisasi ulama sejak dini, solusi atasi krisis ulama”, kajian ini membahas tentang bagaimana menambah bilangan ulama yang tidak seimbang dengan kapasiti penduduk. Maka perlu dibuat sebuah latihan persiapan untuk menjadi seorang ulama. Supaya umat islam tidak kekurangan ulama untuk menjaga agama Islam. Syaratnya adalah menjadikan al-Quran dan bahasa arab sebagai asas landasan utama hidup. Iaitu ertinya seseorang dipersiapkan untuk menghafal Al-Qur'an dan juga persiapan pendidikan dalam Bahasa Arab.

Tulisan Muhammad Sufyan Abdurahman (2017) dalam laman sesawang *detiknews*, membahas tentang “Mengenal Dakwah digital Ustadz Abdul Somad Pekanbaru”, kajian ini membahas tentang perjalanan dakwah Abdul Somad dan perjalanan dakwah beliau bersama Musthafa Umar.


Tesis M. Kafrawi di Universiti Kebangsaan Malaysia (2016), membahas tentang “Metodologi Musthafa Umar dalam tafsir *al-Ma’rifah* dan dakwahnya dalam masyarakat Riau”, kajian ini membahas tentang biografi Musthafa Umar dan tafsirnya.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Dalam kajian ini akan membahas tentang salah satu ulama Riau iaitu Musthafa Umar dalam berdakwah menggunakan kitab tafsir *al-Ma’rifah*.

Menurut Muhammad Sayd Jibir, Ulama Tafsir membahagikan metode tafsir menjadi metod *Tahlili*, *Ijmali*, *Mawdu’i*, dan *Muqarin*. Kemudian berdasarkan sumbernya dibagi lagi menjadi bentuk pendekatan *al-Ma’thur*, *al-Ra’yi* dan *al-Ishari*. Pendekatan *al-Ra’yi* ini dibagi menjadi dua iaitu *mahmud* dan *Mazmum* sedangkan *al-Ishari* ada satu sahaja iaitu *Mazmum* (Abd Ghafur 2007).

Dari teori di atas maka timbullah pelbagai teori sekarang ini yang dibawakan oleh para *mufassir* sesuai dengan keperluan masyarakat pada masa sekarang yang berbeza pada permasalahan yang timbul. Adapun Musthafa Umar menggunakan dua metode, iaitu *Tahlili* dan *Mawdu’i*, dengan menggunakan pendekatan tafsir *bi al-Ra’yi mahmud*. Adapun metode yang dikembangkan beliau adalah metod *al-Islahi al-Ijtima’i*, diantara metod *al-Islahi al-Ijtima’i* yang pengkaji dapati dalam kitab Tafsir al-Ma’rifah adalah Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* berkaitan dengan amal perbuatan, Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* yang berkaitan dengan larangan taklid buta, Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* tentang galakan menafkahkan harta di jalan Allah, Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* tentang pengharaman Arak dan judi, Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* tentang larangan berkahwin dengan orang-orang musyrik, Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* berkaitan tentang perbaiki amalan ibadah solat, Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* tentang pengharaman riba, Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* tentang seruan menjalankan amanah, dan Metod *al-Islahi al-Ijtima’i* tentang poligami.



KESIMPULAN

Keseluruhan kajian di atas menjelaskan bahawa peranan para pendakwah Alumni Al-Azhar melalui OIAA Riau dalam berdakwah di Riau sangatlah penting sebagai awal dalam melahirkan ulama yang berkualiti seperti Musthafa Umar dan Abdul Somad. Alumni berusaha menjadi umat yang wasatiah dalam berdakwah iaitu sebagai tokoh yang meneutralkan antara aliran yang keras atau penganas dan meneutralkan golongan yang terlalu bebas atau liberal untuk kembali ke jalan yang benar dengan mengkaji kembali kitab al-Quran beserta tafsirnya bersama alumni oleh Musthafa Umar ataupun belajar Hadis yang benar bersama ahli Hadis Abdul Somad.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Damanik. 2012. *Semarakakan dakwah dengan tafsir al-Qur'an*
<http://majalah.hidayatullah.com/2012/07/semarakkan-dakwah-dengan-tafsir-al-qur%E2%80%99an/>
- Al-Bukhārī, al-Imam al-Hāfiz Abi ʿAbd Allah Muhammad ibn Ismāʿīl. 2000. *Sahih al-Bukhari tahqiq* Musthafa al-Dhahabi, Kaherah
<http://majalah.hidayatullah.com/2012/07/semarakkan-dakwah-dengan-tafsir-al-qur%E2%80%99an/>
- Anom. 2011. Profil ringkas Dr H Musthafa Umar : <http://www.fsrmm.com/2011/08/profil-ringkas-ustadz-dr-h-musthafa.html>
- Anom.2012. Semarakakan dakwah dengan tafsir al-Qur'an
<http://majalah.hidayatullah.com/2012/07/semarakkan-dakwah-dengan-tafsir-al-qur%E2%80%99an/>
- Anom.2012. Ratusan Jamaah hadir peluncuran kapal dakwah Riau.
<http://riauterkini.com/sosial.php?arr=54611>
- Anom. 2014. Jamaah pengajian Musthafa Umar Wisata religi ke Siak.
<http://www.riapos.co/57716-berita-jamaah-pengajian-musthafa-umar-wisata-religi-ke-siak.html#.VNb82NKUeCE>
- Idris Ahmad. 2015. Jaga independensi, Murni hanya Dakwah, *Riau Pos*, 13 September
- Muhammad Sufyan Abdurrahman. 2017. *Mengenal dakwah digital Ustadz Abdul Somad*.
<https://news.detik.com/opini/d-3563958/mengenal-dakwah-digital-ustadz-abdul-somad-pekanbaru>
- M. Kafrawi.2016. *Metodologi Musthafa Umar dalam tafsir al-Ma'rifah dan dakwahnya di Riau*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor
- Tafaqquh Video. <https://www.youtube.com/channel/UCTWlnbtluXO049shX8krvoA>
- Ustadz Abdul Somad Official. <https://www.youtube.com/channel/UClvc6c04-xEYKFFyeP3yjKA>.